

**NO. SOALAN: 91**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI NOH BIN HAJI OMAR  
[ TANJONG KARANG ]**

**RUJUKAN : 7647**

**SOALAN:**

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar [ Tanjong Karang ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan tindakan yang akan dan telah diambil  
terhadap mana-mana persatuan atau NGO yang tidak berdaftar  
dengan ROS di Malaysia.**

## **JAWAPAN:**

**Pertubuhan yang tidak berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335] adalah sebuah pertubuhan yang menyalahi undang-undang dan bagi membolehkan sesebuah pertubuhan bergerak secara sah di dalam negara, pertubuhan tersebut perlu didaftarkan di bawah Seksyen 6 Akta yang sama yang menyebut bahawa,**

**“Sehingga sesuatu pertubuhan tempatan didaftarkan di bawah Akta ini, tiadalah sesiapa jua boleh, dengan tiada kebenaran bertulis daripada Pendaftar, menyusun atau mengambil bahagian di dalam apa-apa gerakan atau bagi pihak pertubuhan itu, kecuali hanya untuk memohon kepada atau untuk bersurat menyurat dengan Pendaftar”.**

**Oleh yang demikian, Kementerian Dalam Negeri mengenal pasti sesuatu pertubuhan yang tidak berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia melalui pengisytiharan oleh pertubuhan tersebut sama ada melalui media massa, penerimaan aduan awam, risikan dan pelbagai maklumat lain yang diterima daripada pelbagai pihak.**

**Selain itu, bagi membendung aktiviti kumpulan yang berkemungkinan mengganggu struktur perundangan dan sekaligus mampu menggugat keharmonian negara, Kementerian ini melalui Polis DiRaja Malaysia (PDRM) telah pun mengambil**

**tindakan secara berterusan melalui tiga (3) pendekatan seperti berikut:-**

- i. melalui penguatkuasaan undang-undang terhadap mana-mana individu atau kumpulan yang cuba mencetuskan suasana tegang di antara kaum dan agama di bawah Akta Hasutan 1948 di samping undang-undang lain yang berkaitan;**
- ii. menjalankan kerjasama dengan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) sebagai satu landasan untuk membentuk perhubungan yang baik dan persefahaman antara setiap NGO ini agar saling menghormati agama lain; dan**
- iii. menjalankan aktiviti-aktiviti kempen kesedaran dan ceramah-ceramah berhubung keselamatan dan ketenteraman awam untuk menerangkan tentang bahayanya jika terlibat dengan kegiatan mencetuskan ketegangan dan perbalahan antara kaum dan agama.**

**Justeru, Kementerian ini akan mengambil tindakan sewajarnya berlandaskan Akta dan Undang-Undang sedia ada ke atas sesebuah pertubuhan yang tidak berdaftar dan didapati telah menjalankan aktiviti yang menyeleweng dan bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri bagi maksud yang memudaratkan atau yang bertentangan dengan kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana**

**tempat di dalamnya, ketenteraman awam atau akhlak. Sebagai contoh, Akta Pertubuhan 1966 mempunyai peruntukan di bawah Seksyen 64 terutamanya dalam hal khas sekiranya ada bukti yang kukuh maka premis pertubuhan yang tidak didaftarkan atau menyalahi undang-undang boleh disita.**